

15/17695. (30)



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

PERBADANAN PUTRAJAYA GONDOL ANUGERAH BANDAR MAMPAK MALAYSIA DAN ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU

PUTRAJAYA, 12 Mac 2021 – Perbadanan Putrajaya (PPj) telah muncul juara dalam Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) iaitu satu anugerah yang diwujudkan di bawah penilaian PLANMalaysia sebagai pengiktirafan di peringkat nasional kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), komuniti dan individu atas usaha dalam melaksanakan inisiatif pembangunan kejiranan hijau.

PPj dinobatkan sebagai juara bagi kategori PBT menerusi penyertaan inisiatif pembangunan sistem laluan basikal dan pejalan kaki di kawasan kejiranan hijau Presint 8 yang melibatkan jajaran sepanjang 25 km. Jajaran yang dirancang dengan teratur ini telah dibangunkan lengkap dengan lampu isyarat khas laluan basikal, penyediaan kemudahan *guiding block* serta *warning tactile* untuk memudahkan cara pengguna kalangan golongan kurang upaya, juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan iaitu kemudahan *panic button* dan keperluan CCTV. Inovasi yang diperkenalkan dalam laluan basikal ini juga melibatkan pemasangan *ramp* basikal di Jambatan Seri Wawasan yang terletak di kawasan jajaran berkenaan.

Di samping itu, PPj juga berjaya mengekalkan status Bandar Mampan Malaysia sejak tahun 2012 hingga kini. Menerusi skor Murninets yang konsisten, PPj kini berada di kedudukan tiga teratas bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Murninets adalah sistem penarafan bandar mampan berdasarkan indeks kemampanan yang dianjurkan oleh Pusat Murninet Kebangsaan di mana sebanyak 126 bandar dan PBT telah dinilai status kemampanan secara tahunan berdasarkan 39 indikator Bandar Mampan Malaysia oleh pihak PLANMalaysia.

Anugerah Bandar Mampan dan Anugerah Kejiranan Hijau telah disampaikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia, TPr. Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin kepada Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain dalam satu majlis ringkas di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

PPj akan terus berusaha mengekalkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan dan pembangunan perbandarannya termasuk dalam aspek rekreasi dan kejiranan hijau yang mesra pengguna basikal dan pejalan kaki sekaligus menyumbang ke arah merealisasikan visi Putrajaya Mampan 2025.

TENGKU AINA BINTI TENGKU ISMAIL SHAH
Pengarah Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya